| Mahkamah Rendah Syariah Maran | 17 | 1 | 0 | 16 | 17 | 0 |
| Mahkamah Rendah Syariah Muadzam Shah | 9 | 7 | 0 | 2 | 9 | 0 |
| Mahkamah Rendah Syariah Pekan | 9 | 0 | 1 | 8 | 9 | 0 |
| Mahkamah Rendah Syariah Raub | 3 | 0 | 0 | 3 | 3 | 0 |
| Mahkamah Rendah Syariah Rompin | 4 | 0 | 2 | 2 | 4 | 0 |
| Mahkamah Rendah Syariah Temerloh | 66 | 18 | 10 | 31 | 59 | 7 |
| Mahkamah Rendah Syariah Kuala lipis | 11 | 2 | 3 | 6 | 11 | 0 |
| JUMLAH | 550 | 158 | 76 | 298 | 532 | 18 |

Laporan disediakan oleh
Tuan Mustaqim bin Nordin



## STATISTIK KES-KES MAHKAMAH SYARIAH BAGI TAHUN 2016

**KES MAL TAHUN 2016**

| DAERAH | STATUS KES | | |
|---|---|---|---|
| | Daftar | Selesai | Dalam Prosiding |
| Mahkamah Rayuan Syariah | 16 | 1 | 15 |
| Mahkamah Tinggi Syariah Kuantan | 763 | 474 | 289 |
| Mahkamah Tinggi Syariah Bentong | 222 | 135 | 87 |
| Mahkamah Rendah Syariah Bentong | 382 | 142 | 240 |
| Mahkamah Rendah Syariah C.Highland | 53 | 43 | 10 |
| Mahkamah Rendah Syariah Chenor | 177 | 141 | 36 |
| Mahkamah Rendah Syariah Jerantut | 529 | 468 | 61 |
| Mahkamah Rendah Syariah Kuantan | 2057 | 1660 | 397 |
| Mahkamah Rendah Syariah Maran | 381 | 311 | 70 |
| Mahkamah Rendah Syariah Muadzam Shah | 280 | 182 | 98 |
| Mahkamah Rendah Syariah Pekan | 604 | 437 | 167 |
| Mahkamah Rendah Syariah Raub | 343 | 275 | 68 |
| Mahkamah Rendah Syariah Rompin | 185 | 141 | 44 |
| Mahkamah Rendah Syariah Temerloh | 1031 | 817 | 214 |
| Mahkamah Rendah Syariah Kuala lipis | 280 | 228 | 52 |
| **JUMLAH** | **7303** | **5455** | **1848** |

**KES JENAYAH TAHUN 2016**

| DAERAH | STATUS KES | | |
|---|---|---|---|
| | Daftar | Selesai | Dalam Prosiding |
| Mahkamah Rayuan Syariah | 2 | 0 | 2 |
| Mahkamah Tinggi Syariah Kuantan | 10 | 3 | 7 |
| Mahkamah Tinggi Syariah Bentong | 4 | 1 | 3 |
| Mahkamah Rendah Syariah Bentong | 188 | 94 | 94 |
| Mahkamah Rendah Syariah C.Highland | 43 | 37 | 6 |
| Mahkamah Rendah Syariah Chenor | 36 | 25 | 11 |
| Mahkamah Rendah Syariah Jerantut | 192 | 100 | 92 |
| Mahkamah Rendah Syariah Kuantan | 150 | 97 | 53 |
| Mahkamah Rendah Syariah Maran | 135 | 123 | 12 |
| Mahkamah Rendah Syariah Muadzam Shah | 51 | 32 | 19 |
| Mahkamah Rendah Syariah Pekan | 78 | 36 | 42 |
| Mahkamah Rendah Syariah Raub | 9 | 8 | 1 |
| Mahkamah Rendah Syariah Rompin | 71 | 36 | 35 |
| Mahkamah Rendah Syariah Temerloh | 297 | 111 | 186 |
| Mahkamah Rendah Syariah Kuala lipis | 105 | 75 | 30 |
| **JUMLAH** | **1371** | **778** | **593** |

* Data ini diambil daripada sistem SKMS (BI) pada 20 Januari 2017 jam 4.23 petang.

bermula 1 Januari 2016 sehingga 31 Disember 2016.

Laporan disediakan oleh
Puan Ruzaily Binti Zainudin



## Perbandingan Kes Mal di Mahkamah Syariah Negeri Pahang Bagi Tahun 2015 dan 2016.

Kes Mal yang didaftarkan pada tahun 2016 telah menunjukkan peningkatan sebanyak 7303 kes berbanding tahun 2015 iaitu sebanyak 6822 kes sahaja. Manakala jumlah kes yang berjaya diselesaikan pada tahun 2016 ialah sebanyak 5455 kes berbanding tahun 2015 sebanyak 5327 kes. Perbandingan kes mengikut tahun berdasarkan status kes adalah seperti berikut :

| TAHUN | STATUS KES | | |
|---|---|---|---|
| | Daftar | Selesai | Dalam Prosiding |
| 2015 | 6822 | 5327 | 1495 |
| 2016 | 7303 | 5455 | 1848 |

### Pola Perbandingan Kes Mal Bagi Tahun 2015 dan 2016



## Perbandingan Kes Jenayah di Mahkamah Syariah Negeri Pahang Bagi Tahun 2015 dan 2016.

Kes Jenayah pada tahun 2016 telah menunjukkan sedikit peningkatan jumlah kes yang didaftarkan berbanding tahun sebelumnya. Sebanyak 1371 kes didaftarkan pada tahun 2016 berbanding tahun 2015 sebanyak 1318 kes. Walaubagaimanapun, jumlah kes yang berjaya diselesaikan bagi tahun 2016 adalah sebanyak 778 kes berbanding tahun 2015 iaitu sebanyak 654 kes . Perbandingan kes boleh dilihat seperti berikut :

| TAHUN | STATUS KES | | |
|---|---|---|---|
| | Daftar | Selesai | Dalam Prosiding |
| 2015 | 1318 | 654 | 774 |
| 2016 | 1371 | 778 | 593 |

## Pola Perbandingan Kes Jenayah Bagi Tahun 2015 dan 2016



# Unit Rekod
# KLASIFIKASI FAIL

## DEFINISI

Proses mengenal pasti dan mengumpulkan maklumat secara logikal ke dalam kategori/kumpulan yang sama atau seakan-akan sama, di mana setiap satu kategori/kumpulan rekod itu dikenali dengan identitinya sendiri

## FUNGSI

merujuk kepada tanggungjawab utama/ khusus yang dilaksanakan oleh sesebuah pejabat awam dalam mencapai objektif penubuhannya.

## AKTIVITI

Merujuk kepada kegiatan yang dilaksanakan oleh sesebuah pejabat awam dalam mencapai fungsi khusus penubuhannya.

## SUB-AKTIVITI

adalah kegiatan-kegiatan khusus yang dilaksanakan di bawah aktiviti.

## TRANSAKSI

merupakan fail-fail dengan tajuk khusus di bawah sesuatu subaktiviti. Ia merupakan peringkat keempat dalam Klasifikasi Fail dan mengandungi dokumen-dokumen yang berkaitan dengan tajuk fail tersebut

## HIERARKI

Susunan Hierarki Klasifikasi Fail
Fungsi, aktiviti, sub-aktiviti dan transaksi yang telah dikenalpasti hendaklah dikelompokkan dan disusun mengikut hierarki. Hierarki yang dibangunkan hendaklah tidak melebihi 4 peringkat (level) sepertimana yang digariskan di Klausa 4.2.2.2 dalam MS 2223-2:2009.

Ketetapan 4 peringkat ini penting bagi memudahkan klasifikasi ini diguna pakai di dalam kedua-dua persekitaran konvensional dan elektronik.

## TANDA PEMISAH

Penyelarasan Penggunaan Tanda Pemisah

Tanda yang diguna pakai untuk memisahkan fungsi, aktiviti, sub-aktiviti dan transaksi hendaklah diselaraskan seperti berikut:

Tanda sengkang ( – ) hendaklah digunakan untuk memisahkan fungsi dan aktiviti.

Tanda serong ( / ) hendaklah digunakan untuk memisahkan aktiviti, sub-aktiviti dan transaksi.

## CONTOH

JKSM.100-13/2/5

100 PENTADBIRAN (Fungsi)

100-13 Pengurusan Rekod (Aktiviti)

100-13/2 Pentadbiran Registri dan Bilik Rekod (Sub-aktiviti)

100-13/2/5 Perkhidmatan Pos dan Mel (Transaksi)

Laporan disediakan oleh
Puan Nur Nadiah Binti Idris



# REKOD PENTING JABATAN

## Pengenalan

Rekod Penting Jabatan adalah rekod-rekod yang mengandungi maklumat yang sangat bernilai bagi meneruskan peranan dan fungsi asas jentera Jabatan serta melindungi kepentingan Jabatan dan hak-hak asasi individu

## Tujuan

Mengenalpasti Rekod-rekod Penting Jabatan.

Menentukan rekod-rekod tersebut sentiasa berada dalam keadaan selamat terutama semasa kecemasan/bencana

## Pemeliharaan

- Menyimpan dan memelihara salinan asal Rekod Penting Jabatan di tempat yang selamat.
- Membuat salinan keselamatan Rekod Penting Jabatan dalam bentuk digital, mikrofilem, mikrofis dan sebagainya.
- Menyimpan salinan-salinan keselamatan di tempat yang selamat

## Senarai Rekod

**JKSM**
Minit mesyuarat persidangan / muzakarah / wacana

**JKSN**
Alasan Penghakiman
Catatan Hakim
Perintah

# KURSUS
## Pengurusan Rekod





Seksyen Rekod Jabatan Kehakiman Syariah Pahang (JKSP) telah menganjurkan Kursus Pengurusan Rekod Pegawai Rekod Jabatan (PRJ) pada 8-9 November 2016 bertempat di De Rhu Beach Resort, Kuantan. Kursus ini bertujuan untuk meningkatkan kefahaman dan pengetahuan PRJ JKSP yang baru dilantik berkenaan dengan pengurusan rekod yang betul mengikut prosedur dan panduan selaras dengan Akta 629 Arkib Negara Malaysia 2003.

Kursus ini turut mendedahkan para peserta dengan cara-cara pengendalian dan penyelenggaraan fail awam selain memberi kesedaran tentang kepentingan pengurusan rekod yang baik. Pihak penganjur telah menjemput Puan Siti Nurhafizah binti Abu Samah dan Puan Nordarwina binti Zainul Abidin dari Arkib Negara Malaysia (ANM) Cawangan Pahang sebagai penceramah dalam kursus ini.



Seramai 36 orang peserta telah dijemput untuk menghadiri kursus ini dan mereka adalah terdiri daripada PRJ dari mahkamah daerah seluruh Pahang. Program ini berlangsung selama 2 hari dengan pengisian slot merangkumi teori dan amali. Ini adalah untuk memastikan supaya para peserta dapat memahami pengisian kursus dengan lebih baik.

Semoga penganjuran kursus seperti ini dapat diteruskan pada masa hadapan supaya dapat memberi pendedahan dan menyediakan kakitangan JKSP dengan ilmu pengurusan rekod yang lebih mantap dan berkesan.

# Lawatan INSPEKTORAT Pengurusan Rekod





Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) melalui Seksyen Rekod dengan kerjasama Arkib Negara Malaysia (ANM) telah hadir ke Jabatan Kehakiman Syariah Pahang (JKSP) untuk menjalankan Lawatan Inspektorat Pengurusan Rekod pada 9 dan 10 Mei 2016. Lawatan ini bertujuan untuk memantau pelaksanaan aktiviti pengurusan rekod selaras dengan peruntukan Seksyen 7(a) Akta Arkib Negara 2003 (Akta 629) yang membolehkan JKSM membuat pemeriksaan ke atas rekod dalam jagaan atau di bawah kawalan JKSM. Juruaudit yang terlibat dalam lawatan ini adalah Tuan Abu Bakar bin Daud dan Encik Ridhwan Zainudin dari JKSM serta Cik Maimunah binti Osman dan Puan Syazwani binti Salleh dari ANM.



Pemantauan pelaksanaan aktiviti pengurusan rekod ini adalah penting bagi memastikan rekod kerajaan diurus dengan sistematik dan teratur. Skop lawatan ini merangkumi taklimat ringkas, lawatan, pengauditan, pengambilan gambar dan sesi perbincangan.

Lawatan ini telah dijalankan di MRS Maran pada 9 Mei 2016 dan Ibu Pejabat JKSP pada 10 Mei 2016. Antara kaedah pengauditan adalah secara temuramah dengan pegawai yang terlibat, membuat pemerhatian terhadap operasi dan persekitaran serta semakan ke atas dokumen dan rekod yang terlibat. Tidak ketinggalan juga adalah lawatan ke tempat penyimpanan fail dan bilik rekod.

Hasil daripada lawatan ini, pihak JKSP telah dianugerahkan dengan keputusan BAIK untuk keseluruhan Pengurusan Rekod. Diharap lawatan pengauditan seumpama ini akan terus dilaksanakan pada masa akan datang supaya dapat memastikan pengurusan rekod jabatan dapat berjalan dengan lancar selaras dengan peruntukan yang telah diberikan.



# PELUPUSAN
## Rekod Am & Kewangan



Sepanjang tahun 2016, Seksyen Rekod Jabatan Kehakiman Syariah Pahang telah menjalankan aktiviti Pelupusan Rekod ke semua daerah meliputi MTS & MRS KUANTAN, MRS PEKAN, MRS ROMPIN, MRS MUADZAM SHAH, MRS MARAN, MRS CHENOR, MRS TEMERLOH, MRS JERANTUT, MRS RAUB, MRS KUALA LIPIS dan MTS & MRS BENTONG.

Pelupusan tahun 2016 adalah lebih tertumpu kepada fail-fail am dan dokumen kewangan. Kesemua fail di daerah-daerah ni berjumlah 376 buah (Am) dan 17.68 m/p (kewangan) telah dilupuskan dengan kaedah bakar, tanam dan rincih. Prosedur pelupusan rekod adalah berdasarkan Jadual Pelupusan Rekod Urusan Am, Jadual Pelupusan Rekod Kewangan Dan Perakaunan serta Akta Arkib Negara Malaysia 2003 (Akta 629). Kebenaran untuk pelupusan fail am dan kewangan ini telah mendapat kelulusan dari Arkib Negara Malaysia, Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri serta Jabatan Audit Negara.



Sumber Gambar:
Pelupusan di MTS Kuantan,
MRS Maran dan MRS Chenor

**STATISTIK PELUPUSAN FAIL TAHUN 2016**

| BIL | TEMPAT | AM | KEWANGAN (m/p) |
|---|---|---|---|
| 1 | KUANTAN | 54 | 5.68 |
| 2 | ROMPIN | 31 | 0.37 |
| 3 | MARAN | 26 | 1.445 |
| 4 | TEMERLOH | 42 | 3.255 |
| 5 | BENTONG | 25 | 2.92 |
| 6 | MUADZAM SHAH | 3 | 0.55 |
| 7 | JERANTUT | 72 | 1.12 |
| 8 | PEKAN | 54 | 0.635 |
| 9 | RAUB | 24 | 0.56 |
| 10 | LIPIS | 32 | 0.99 |
| 11 | CHENOR | 13 | 0.155 |
| | JUMLAH | 376 | 17.68 |

Sekyen Rekod amat berpuas hati dengan kerjasama yang diberikan oleh semua kakitangan mahkamah-mahkamah daerah dalam menjalankan aktiviti pelupusan sehingga dapat berjalan dengan lancar seperti yang dirancang

## MESYUARAT AGUNG TAHUNAN






Mesyuarat Agung Tahunan telah diadakan pada 24 Februari 2016 bertempat di Bilik Mesyuarat Hotel Seri Malaysia Temerloh. Kehadiran ahli kelab adalah seramai 69 orang.



## HARI KELUARGA JKSP

Hari Keluarga Jabatan Kehakiman Syariah Pahang anjuran KRISPA telah diadakan pada 29-30 April 2016 selama dua hari satu malam bertempat di Resort World Kijal yang melibatkan penyertaan seramai lebih kurang 56 Keluarga. Program diadakan bersekali dengan Majlis Persaraan dan Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2015.

Program tersebut telah menelan perbelanjaan sebanyak RM39,650.98 termasuk peruntukan jabatan bagi penginapan hotel dan majlis makan malam. Perbelanjaan lain-lain adalah terdiri daripada pembelian cenderamata, hamper, hadiah cabutan bertuah dan lain-lain hadiah yang bernilai hampir RM4000.00













Laporan disediakan oleh
Tuan Muhammad Syazwan bin Karim



## MAJLIS JAMUAN RAYA AIDILFITRI 2016 M/1437 H

Seperti tahun-tahun sebelumnya, pihak KRISPA dengan kerjasama PUSPANITA sekali lagi telah mengadakan Majlis Jamuan Raya iaitu pada 21 Julai 2016. Jamuan telah diadakan di perkarangan Ibu Pejabat JKSP ini dihadiri seramai kira-kira 90 orang tetamu jemputan.

Jamuan yang bermula pada jam 12 tengahari hingga jam 3.00 petang ini telah menghidangkan pelbagai juadah seperti lemang, rendang, nasi hujan panas, ayam masak merah, gulai kawah, acar, laksa Pahang, kuih-muih dan pelbagai lagi. Senarai jemputan jamuan hari raya adalah terdiri daripada kakitangan PAID Kuantan, Pendakwa, Penguatkuasa, JBG, Muzium, Masjid, MUIP Kuantan, PKZ Kuantan, Peguam Syarie, Perbadanan Pelancongan Bukit Fraser dan Klinik kesihatan Jalan Gambut.

Mesyuarat Agung Khas juga telah diadakan pada hari tersebut yang bertujuan membincangkan mengenai pindaan terhadap Perlembagaan Kelab.











## AKTIVITI SUKAN

**BADMINTON-**

Kejohanan Badminton Piala Hakim Mahkamah Rendah Syariah Temerloh telah diadakan pada 21/05/2016 di Gudang Beras Temerloh. Pertandingan ini diadakan secara tertutup. Format perlawanan adalah kutipan mata secara individu.

Kejohanan Badminton Piala Ketua Hakim Syarie Negeri Pahang telah diadakan pada 6/11/2016 di Dewan Badminton Taman Polo Kuantan Pahang anjuran bersama Persatuan Peguam Syarie Pahang dan Kelab Kebajikan Jabatan Kehakiman Syariah Pahang. Penyertaan dibuka kepada kakitangan Jabatan Kehakiman Syariah Pahang, Peguam Syarie Pahang, Jabatan Bantuan Guaman Pahang, Bahagian Pendakwaan Jabatan Agama Islam Pahang dan kakitangan Pejabat Agama Islam Pahang.

Kejohanan Badminton Piala Ketua Hakim Syarie Pahang pada 12/10/2016 diadakan di Dewan Badminton Indera Sempurna Format pertandingan adalah secara liga dan dibuka kepada kakitangan Jabatan Kehakiman Syariah Pahang sahaja ( tertutup ).



## AKTIVITI SUKAN

**BOWLING-**

Kejohanan Boling Piala Presiden Peguam Syarie diadakan pada 16/10/2016 di Premium Lane Kuantan Plaza anjuran bersama Kelab Kebajikan Jabatan Kehakiman Syariah Pahang dan Persatauan Peguam Syarie Pahang.



**FUTSAL-**

Kejohanan Futsal Jemputan Percetakan Nasional Kuantan diadakan pada 7/5/2016 bertempat di Gelanggang Futsal ( FERRO ) Batu 6, Kuantan, Pahang. Jabatan menghantar satu pasukan sahaja.

Ya Allah
kurniakanlah restu dan kasih sayang di antara kedua pengantin ini serta eratkan hubungan keduanya sepertimana telah Engkau hubungkan di antara air & tanah, Adam & Hawa, Ibrahim & Siti Hajar, seperti Yusuf & Zulaika, Ayub & Rahmah, Musa & Safurah, Sulaiman & Puteri Balqis dan seperti Baginda Muhammad s.a.w & Khadijah.

Ya Allah,
satukalah keduanya dalam inayah dan barakahMu. Semoga menjadi Nur ibadah yang mendambakan rahmatMu.



Mohd Zulkarnain bin Kamaruzaman dan
Nor Izzati binti Nor Ridzuan
MRS Muadzam Shah
29 Okt 2016



Mohd Amirul Izwan bin Md Othman dan
Nahdzatul Syafini binti Abd Rahman
MRS Rompin
6 Feb 2016

## Krispa KELAHIRAN



Nama : Siti Nur Ariqa Fatina bt Sheikh Shamsul Annuar Banafex
Tarikh Lahir : 1 Jan 2016
Anak Kepada : Azni binti Muhamad
Tempat Bertugas : ICT JKSP



Nama : Ahmad Fateh bin Ahmad Lutfi
Tarikh Lahir : 3 Mac 2016
Anak Kepada : Ahmad Lutfi bin Asri
Tempat Bertugas : MRS Jerantut



Nama : Muhammad Aathif Ayman bin Muhammad Hanis Ridha
Tarikh lahir : 8 April 2016
Anak Kepada : Muhammad Hanis Ridha bin Makmor
Tempat Bertugas : MRS Cameron Highlands



Nama : Sharifah Damia Sofia Bt Syed Shahrul Shamil
Tarikh Lahir : 4 Julai 2016
Anak Kepada : Nurdiyana binti Hashim
Tempat Bertugas : Unit Kewangan JKSP



Nama : Khaulah Al- Azwar binti Mohd Izfarizal
Tarikh Lahir : 6 Julai 2016
Anak Kepada : Shabariah bt Hussin
Tempat Bertugas : BSK JKSP



Nama : Saifullah Rifqie bin Sahadan
Tarikh lahir : 16 Oktober 2016
Anak Kepada : Nor Rahayu bt Kamarudin
Tempat Bertugas : BSK JKSP

# Puspanita JKSP | Aktiviti 2016
# MAULIDUR RASUL & ZIARAH

## AKTIVITI 1 : TAZKIRAH SEMPENA MAULIDUR RASUL & SELAWAT BERAMAI-RAMAI

| | |
|---|---|
| Anjuran | : Biro Agama dan Pendidikan. |
| Tarikh | : 6 April 2016 |
| Masa | : 9.00 pagi |
| Tempat | : Bilik Mesyuarat JKSP |
| Peserta | : Pegawai dan Kakitangan JKSP |



## AKTIVITI 2 : ZIARAH MAHABBAH KE RUMAH ORANG TUA

| | |
|---|---|
| Anjuran | : Biro Sosial dan Kebajikan |
| Tarikh | : 27 Mei 2016 |
| Masa | : 8.30 pagi – 12.00 tengahari |
| Tempat | : Kompleks Asnaf MUIP, Sungai Soi |
| Peserta | : Ahli Puspanita dan warga Kompleks asnaf |



Tujuan Puspanita JKSP membuat program Ziarah Mahabbah ke Rumah Orang Tua merupakan salah satu aktiviti sosial yang dapat memberi kesedaran dan memberi peluang kepada ahli puspanita untuk beramah mesra dengan penghuni di kompleks asnaf MUIP.

Laporan disediakan oleh
Puan Azni binti Muhamad

# Puspanita JKSP | Aktiviti 2016
# BOWLING & GOTONG ROYONG

## AKTIVITI 3 : PERTANDINGAN BOWLING MUHIBBAH PUSPANITA JKSP 2016

| | |
|---|---|
| Anjuran | : Biro Sukan. |
| Tarikh | : 3 Jun 2016 |
| Masa | : 2.00 petang |
| Tempat | : Premium Lanes Kuantan Plaza |
| Peserta : | Ahli Puspanita |







## AKTIVITI 4 : GOTONG-ROYONG MEMASAK BUBUR LAMBUK & BUAH MELAKA

| | |
|---|---|
| Anjuran | : Biro Sosial dan Kebajikan |
| Tarikh | : 10 Jun 2016 |
| Masa | : 8.30 pagi – 12.00 tengahari |
| Tempat | : Perkarangan Kantin JKSP |
| Peserta | : Ahli Puspanita |







Ia bertujuan menghasilkan masakan tradisi Ramadan iaitu bubur lambuk secara berjemaah selain dapat mengukuhkan tali silaturrahim dan kerjasama sesama ahli puspanita. Dalam penghasilan bubur lambuk, pelbagai bahan basah dan kering disatukan untuk menghasilkan bubur yang enak.

# IHYA' RAMADHAN & PENGURUSAN JENAZAH

## AKTIVITI 5 : IHYA' RAMADHAN

Tarikh :17 Jun 2016
Masa :9.00 pagi – 10.30 pagi
Tempat :Bilik Mesyuarat JKSP
Penceramah :Ustaz Asmawi bin Abu Bakar (JAIP)
Peserta : Pegawai dan Kakitangan JKSP | Anjuran : Biro Agama dan Pendidikan.



## AKTIVITI 6 : KURSUS PENGURUSAN JENAZAH

Tarikh : 28 Jun 2016
Masa : 9.00 pagi – 5.00 petang
Tempat : Bilik Mesyuarat JKSP
Fasilitator : Ustazah Zuraidah
Peserta : Ahli Puspanita | Anjuran : Biro Agama dan Pendidikan



# PENGURUSAN HARTA & JOM SIHAT!

## AKTIVITI 7 : SEMINAR PENGURUSAN HARTA MENURUT UNDANG-UNDANG SYARIAH

Anjuran : Jawatankuasa Induk PUSPANITA JKSP
Tarikh : 29 September 2016
Masa : 8.00 pagi – 5.00 petang
Tempat : Auditorium, Tingkat 1, Arkib Negara Malaysia Cawangan Negeri Pahang
Peserta : Ahli Puspanita Negeri Pahang.








## AKTIVITI 8 : PROGRAM JOM SIHAT!

Anjuran : Biro Sukan.
Tarikh : 7 Oktober 2016
Masa : 8.30 pagi – 12.15 tengahari
Tempat : Bukit Pelindung, Kuantan
Peserta : Ahli Puspanita






# SUKANEKA & ANNUAL LUNCH

## AKTIVITI 9 : PROGRAM SUKANEKA

| | |
|---|---|
| Anjuran | : Biro Sukan. |
| Tarikh | : 21 Oktober 2016 |
| Masa | : 8.30 pagi – 12.15 tengahari |
| Tempat | : Taman Gelora, Kuantan |
| Peserta | : Ahli Puspanita |







## AKTIVITI 10 : PROGRAM ANNUAL LUNCH PUSPANITA JKSP 2016

| | |
|---|---|
| Anjuran | : Jawatankuasa Induk PUSPANITA JKSP |
| Tarikh | : 8 Disember 2016 |
| Masa | : 12.00 Tengahari-2.00 Petang |
| Tempat | : Hotel Mega View, Kuantan |
| Peserta | : Ahli Puspanita |








## LOGO 5S | POLISI | MOTTO | OBJEKTIF






AMALAN PERSEKITARAN BERKUALITI (5S)
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH PAHANG

**POLISI**

BERILTIZAM UNTUK SENTIASA MENGAMALKAN BUDAYA KERJA YANG CEMERLANG, DENGAN PERSEKITARAN YANG SELESA DAN INDAH DEMI KEPUASAN PELANGGAN

**MOTTO**

"BERSIH, BERSISTEMATIK, BERKESAN"

**OBJEKTIF**

- MEWUJUDKAN PERSEKITARAN KERJA YANG BERSIH, SELESA, SISTEMATIK DAN KONDUSIF.
- MELAHIRKAN WARGA YANG BERDISIPLIN, BERMOTIVASI DAN MENANAM NILAI KERJA BERPASUKAN SECARA BERTERUSAN.
- MEMAKSIMUMKAN SUMBER TENAGA MANUSIA SECARA EFISYEN DAN MENJIMATKAN KOS BELANJA MENGURUS.

Disahkan Oleh :

( DATO' HJ. ABDUL RAHMAN BIN MD YUNOS., DIMP., SMP., PKC )
Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah Pahang

## CARTA ORGANISASI INDUK 5S JKSP






AJK 5S JKSP

Laporan disediakan oleh
Tuan Muhammad Syazwan bin Karim



## ZON 5S

















## AKTIVITI 5S

| BIL | AKTIVITI | TARIKH |
|---|---|---|
| 1 | MESYUARAT AJK INDUK KALI PERTAMA | 15.01.2016 |
| 2 | TAKLIMAT JAWATANKUASA INDUK 5S (PUAN HAZWANI NADIAH ISMAIL) | 22.01.2016 |
| 3 | MAJLIS PELANCARAN 5S JKSP | 26.02.2016 |
| 4 | GOTONG ROYONG PERDANA 5S JKSP | 26.02.2016 |
| 5 | LAWATAN KE JABATAN PERTANIAN NEGERI PAHANG | 11.03.2016 |
| 6 | KURSUS AUDIT DALAM (EN.SABRI BIN HASSAN) | 14 HINGGA 15.03.2016 |
| 7 | TAKLIMAT KESELAMATAN KEBAKARAN JKSP | 25.03.2016 |
| 8 | AUDIT DALAM JKSP | 01.04.2016 |
| 9 | LAWATAN PERUNDINGAN MPC KALI PERTAMA EN. MOHD HILMI MOHD IDRIS | 05.04.2016 |
| 10 | LAWATAN PERUNDINGAN MPC KALI KE-2 (EN. MAHADI BIN HASBULLAH) | 14.04.2016 |
| 11 | PRA AUDIT PENSIJILAN 5S (EN.ZUL EZWAN BIN MUHAMMAD) | 21.04.2016 |
| 12 | AUDIT PENSIJILAN | 31.05.2016 |

## 1 MESYUARAT ANTARA PEMBANTU PENDAFTAR DAN PENOLONG PENDAFTAR BERSAMA KETUA PENDAFTAR, HAKIM MAHKAMAH TINGGI SYARIAH DAN KETUA HAKIM SYARIE.







Pada 10 hingga 12 Februari 2016, telah berlangsungnya Mesyuarat Antara Pembantu Pendaftar Dan Penolong Pendaftar Bersama Ketua Pendaftar, Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Dan Ketua Hakim Syarie yang bertempat di Hotel Seri Malaysia Tanjong Gemok, Kuala Rompin. Mesyuarat selama 3 hari ini telah dihadiri oleh kira-kira 35 orang peserta yang terdiri daripada pembantu Pendaftar dan Penolong Pendaftar JKSP. Tujuan diadakan mesyuarat ini adalah untuk membincangkan dan menyelesaikan segala isu dan permasalahan yang timbul dalam urusan berkaitan perjalanan Mahkamah Syariah seluruh negeri Pahang.

Selain itu isu berkaitan Tatacara Pengurusan Kes Mal, Faraid dan Jenayah juga turut dibincangkan. Penceramah-penceramah yang terlibat sepanjang mesyuarat ini dikelolakan oleh pegawai dalaman dan juga undangan khas dari Jabatan Penjara ( Penjara Penor, Kuantan) iaitu Tuan Mohd Irwan Bin Awang yang membincang dan memberi pendedahan berkaitan Waran Tangkap dan Jaminan. Pembentang dari JKSP yang terlibat adalah Puan Nor Aidillah binti Harun, Pegawai Penyelidik Ketua Hakim Syarie, yang membentangkan Penyelarasan Perintah-Perintah di Mahkamah Syariah di seluruh Negeri Pahang dan Pembentangan berkaitan Fi dan Kos Mahkamah manakala Tatacara Kewangan pula dibentang oleh Puan Normizanomi Binti Zulkafli,Ketua Pembantu Tadbir (Kewangan) Jabatan Kehakiman Syariah Pahang.





Laporan disediakan oleh
Puan Nor Aidillah binti Harun



## 2 MUZAKARAH KEHAKIMAN BIL 1/2016 dan Bil 2/2016





28 hingga 30 Mac 2016, telah berlangsungnya Muzakarah Kehakiman Bil 1/2016 yang bertempat di The Legend Resort, Cherating Kuantan, Pahang. Muzakarah yang berlangsung selama 3 hari ini telah dihadiri oleh peserta yang terdiri daripada YAA Ketua Hakim Syarie,YA Hakim Mahkamah Tinggi Syariah,YA Hakim-Hakim Mahkamah Rendah Syariah,Pegawai Penyelidik,Pegawai Sulh dan Pegawai Bahagian Sokongan Keluarga (BSK).

| BIL | PEMBENTANG KERTAS KERJA | TAJUK |
|---|---|---|
| 1 | YAA Dato Haji Abdul Rahman bin Md. Yunos | Rayuan Di Mahkamah Syariah |
| 2 | Puan Nor Aidillah binti Harun | Alasan Penghakiman Kes Mahkamah Rayuan Syariah |
| 3 | Tuan Muhammad Syazwan bin Karim | Alasan Penghakiman Di Mahkamah TinggiSyariah |

Tujuan diadakan Muzakarah ini adalah untuk membincangkan dan menyelesaikan segala Isu dan permasalahan yang timbul dalam urusan berkaitan perjalan Mahkamah Syariah seluruh negeri Pahang. Beberapa kertas kerja yang berkaitan perundangan syariah telah dibentangkan bagi mendapatkan pandangan menyeluruh berkaitan dasar perundangan Syariah. berkaitan tatacara Pengurusan Kes Mal, Faraid dan Jenayah juga turut di bincangkan.

pada 1 November 2016 Hingga 3 November 2016, telah berlangsungnya Muzakarah Kehakiman Bil 2/2016 yang bertempat di De Rhu Beach Resort, Kuantan, Pahang.

| BIL | PEMBENTANG KERTAS KERJA | TAJUK |
|---|---|---|
| 1 | YAA Dato Haji Abdul Rahman bin Md. Yunos | Keterangan di Mahkamah Syariah |
| 2 | YA Tuan Muhammad Azhari bin Abdul Rahman | Keterangan saksi pakar di Mahkamah Syariah |
| 3 | Tuan Haji Abdul Wahid bin Mohd Ali Al -Fakwie | Hukuman denda dalam Islam |
| 4 | Tuan Borhan bin Hussin | Perintah hukuman bagi pesalah muda |









**Muzakarah Kehakiman Bil 2/2016
bertempat di De Rh Beach Resort, Kuantan,**

## KURSUS BACAAN ARAHAN AMALAN JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH PAHANG

Pada 06 sehingga 08 September 2016, telah berlangsungnya Kursus Bacaan Arahan Amalan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) Jabatan Kehakiman Syariah Pahang (JKSP) yang bertempat di Kem Bina Negara Kuala Lipis , Pahang. Kursus yang berlangsung selama 3 hari ini telah dihadiri oleh peserta seramai 55 Orang terdiri daripada Semua Pegawai Syariah bergred LS iaitu Ketua Hakim Syarie , Ya Hakim Mahkamah Tinggi Kuantan, Hakim-Hakim Mahkamah Rendah Syariah, Pegawai-Pegawai Penyelidik, Pegawai Sulh serta Penolong Dan Pembantu Pendaftar Di Seluruh Daerah Negeri Pahang.

Tujuan diadakan kursus ini adalah untuk memberikan pendedahan kepada peserta berkenaan Arahan-arahan Amalan yang terpakai bagi peringkat negeri yang melibatkan tatacara pengurusan dan perjalanan sesuatu kes. Ceramah berkaitan Arahan Amalan telah disampaikan oleh Tuan Abu Bakar Bin Mohd Daud Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pendaftaran, Keurusetiaan & Rekod Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) dan Tuan Zulfikri bin Yasoa',Pegawai Penyelidik Hakim Rayuan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM).



Dalam masa yang sama kursus ini turut memberi pendedahan kepada peserta melalui pengisian berkenaan jati diri dan semangat nasional kepada negara melalui slot ceramah dari Tuan Hamizi bin Yaakob, Pengarah Biro Tata Negara, Negeri Pahang.





Diharap dengan adanya kursus yang seperti ini dapat memberi pendedahan berkaitan Arahan Amalan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia dan seterusnya pemtuhan kepada Arahan Amalan dapat diaplikasikan di negeri Pahang. Begitu juga kesedaran kepada para peserta berkaitan kepentingan menjaga keharmonian dalam negara yang makmur ini.













## 4 KURSUS PERKHIDMATAN PEGAWAI DAN KAKITANGAN JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH PAHANG

Pada 19 September hingga 21 September 2016, telah diadakan Kursus Perkhidmatan Pegawai dan Kakitangan Jabatan Kehakiman Syariah Pahang yang bertempat di Kem Bina Negara Kuala Lipis, Pahang. Kursus yang berlangsung selama 3 hari telah dihadiri oleh peserta seramai 45 orang terdiri daripada kakitangan Jabatan kehakiman Syariah pahang daripada pelbagai gred jawatan. Tujuan diadakan kursus ini adalah untuk memberi pendedahan kepada peserta dalam meningkatkan ilmu pengetahuan berkaitan perkhidmatan dalam sistem pentadbiran kerajaan, didalam usaha kerajaan untuk melahirkan penjawat awam yang berdisplin tinggi begitu juga dalam memberi input kepada kakitangan yang baru dilantik ke dalam perkhidmatan awam.

Penceramah bagi kursus ini adalah Puan Norul Kamar binti Subki, Penolong Pegawai Tadbir Tertinggi (N36), dari Jabatan Kerja Raya Negeri Pahang.












## 5 KURSUS PENGURUSAN REKOD PEGAWAI REKOD JABATAN (PRJ) JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH PAHANG

Pada 08 hingga 09 November 2016, telah berlangsungnya Kursus Pengurusan Rekod Pegawai Rekod bagi Jabatan Kehakiman Syariah Pahang (JKSP) yang bertempat di De' Rhu Beach Resort Kuantan , Pahang. Kursus yang berlangsung selama 2 hari ini telah dihadiri oleh peserta yang terdiri daripada Kakitangan Jabatan Kehakiman Syariah Pahang dari Pelbagai Gred Jawatan seluruh Mahkamah Syariah Negeri Pahang. Bilangan peserta adalah seramai 35 orang. Penceramah bagi kursus ini adalah Puan Siti Nurhafizah Binti Abu Samah, dan Puan Nordarwina Binti Zainul Abidin, Penolong pegawai Rekod Arkib Negara Malaysia Cawangan Negeri Pahang.





Tujuan diadakan Kursus ini adalah untuk membolehkan Pegawai Rekod Jabatan mengenal pasti konsep dan perundangan pengurusan rekod mengikut Akta Arkib Negara 2003 [Akta 629], melaksanakan urusan sistem fail dengan sistematik mengikut piawaian dan prosedur pengurusan rekod yang ditetapkan oleh Arkib Negara Malaysia, mengaplikasi proses pengurusan rekod dengan betul mengikut standard dan panduan yang dikeluarkan oleh Arkib Negara Malaysia dan meningkatkan kefahaman dan pengetahuan para pegawai dan kakitangan JKSP tentang kepentingan penjagaan rekod kepada jabatan khususnya dan negara amnya.











## 6 MAJLIS PENTAULIAHAN PENOLONG PENDAFTAR JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH PAHANG

Pada 15 Disember 2016 Masa 12.00 Tengah Hari, bertempat di Hotel M.S Garden, Kuantan, Pahang telah berlangsungnya Majlis Pentauliahan Penolong Pendaftar Jabatan Kehakiman Syariah Pahang.

Seramai sembilan orang Penolong Pendaftar dari Mahkamah Syariah dari seluruh daerah negeri Pahang telah menerima pentauliahan tersebut. Majlis ini telah disempurnakan Oleh YDH Orang Kaya Indera Pahlawan Dato' Sri Wan Haji Abdul Wahid Bin Haji Wan Hassan Ssap.,Simp., Dsap., Sap., Jsm., Amp. Timbalan Yang Dipertua, Majlis Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang.



















PENERIMA TAULIAH PENOLONG PENDAFTAR JKSP 2016



1) ABDUL HAFIZ BIN MAD RADZI
2) ABDUL RAZAK BIN HAJI MOHD AKIK
3) HAIRUL FITRI BIN HAMZAH
4) IRNA SALIZA BINTI MOHD ROZALI
5) MOHAMAD SYAHRUL AZUAN BIN UYUB
6) MUHAMMAD HANIS RIDHA BIN MAKMOR
7) NORAMIRUL BINTI JUNED
8) NUR NADIAH BINTI IDRIS
9) SAHARUDIN BIN HJ ZAINI

# Persaraan Hakim MTS Kuantan

Nama sebenar beliau adalah Mohd Yusof bin Ab. Ghani. Beliau dilahirkan pada 29hb. Disember 1954, di Kg. Sungai Duri, Pekan, Pahang. Mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Kincir, Pekan dan seterusnya menyambung pelajaran di Sekolah Menengah Agama Al-Attas, Pekan serta Kulliah Waddin As-Sultan Abu Bakar Pahang, Pekan.

**Pada tahun 1975, beliau melanjutkan pelajaran dalam bidang Pengajian Syariah Wal-Qanun di fakulti Syariah Wal-Qanun, Universiti Al-Azhar** Kaherah, Mesir seterusnya berjaya memperolehi Ijazah Sarjana Muda Syariah. Kemudian pada tahun 1981, beliau menyambung pengajian dalam Diploma Pendidikan di Universiti Malaya, Petaling Jaya. Waddin



As-Sultan Abu Bakar Pahang, Pekan.
Pada tahun 1975, beliau melanjutkan pelajaran dalam bidang Pengajian Syariah Wal-Qanun di fakulti Syariah Wal-Qanun, Universiti Al-Azhar Kaherah, Mesir seterusnya berjaya memperolehi Ijazah Sarjana Muda Syariah. Kemudian pada tahun 1981, beliau menyambung pengajian dalam Diploma Pendidikan di Universiti Malaya, Petaling Jaya.

Beliau telah dilantik sebagai Guru Agama dan Bahasa Arab di Sekolah Menengah Agama Tengku Ampuan Fatimah, Pekan bermula pada tahun 1982.

Namun mulai tahun 1990, beliau telah mengubah haluan dengan memasuki bidang undang-undang dan menerima tawaran sebagai Pegawai Hal Ehwal Agama Islam yang mana dilantik sebagai Qadhi Daerah Maran.

Seterusnya pada tahun 1992, beliau menyambung pula pelajaran di Universiti Islam Antarabangsa dan memperolehi Diploma Undang-Undang dan Pentadbiran Kehakiman Islam (DAIJ). Beliau mula dilantik sebagai Hakim Mahkamah Rendah Syariah Kuantan pada 01hb. November 1996 yang mana meliputi penghakiman bagi daerah Kuantan dan Maran.

Kemudian pada tahun 2005, **beliau telah dilantik sebagai Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Pahang Zon 2 dan bertugas di Mahkamah Syariah Bentong.**

Karier beliau sebagai hakim akhirnya tamat pada 29hb. Disember 2014 yang mana beliau telah bersara dari perkhidmatan awam dengan jawatan terakhir sebagai Hakim Tinggi Syariah Kuantan pada usia 60 tahun.

Atas khidmatnya yang cemerlang sebelum ini, beliau ditawarkan menyambung kontrak selama setahun lagi sebagai Hakim Mahkamah Tinggi Kuantan dan kontrak tersebut telah tamat pada 29hb. Disember 2015.

Di kalangan keluarga pula, beliau adalah suami kepada Norran binti Ahmad. Mereka telah berkahwin pada 13 November 1983 dan telah dikurniakan 9 orang anak iaitu 6 lelaki dan 3 perempuan.

Diharap dengan taburan bakti dan perkhidmatan yang telah diberikan oleh beliau kepada institusi kehakiman syariah, sedikit sebanyak dapat meningkatkan kredibiliti dan imej Mahkamah Syariah di mata masyarakat.

# LAPORAN TAHUNAN 2016
## JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH PAHANG

MISI JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH PAHANG
Mewujudkan jentera pengurusan Mahkamah Syariah yang mahir dalam sistem keadilan Islam serta cekap dalam pengurusan mahkamah.

VISI JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH PAHANG
Menyediakan dan melaksanakan pentadbiran Undang-Undang berlandaskan Undang-Undang Islam secara adil dan berkesan melalui akta-akta yang telah diluluskan

OBJEKTIF JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH PAHANG
i. Mengendalikan dan menyegerakan Kes-Kes Syariah dengan adil, teratur dan berkesan
ii. Mempertingkatkan kemahiran-kemahiran pegawai dan kakitangan.
iii. Mempertingkatkan penggunaan Teknologi Komunikasi dan Maklumat (ICT) dalam pentadbiran.
iv. Mempunyai kemudahan dan infrastuktur yang terbaik dan mencukupi.


HUBUNGI | IKUTI KAMI

JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH PAHANG
Jalan Masjid,
25000 Kuantan
Pahang.

Tel : 09-517 7966 | Fax : 09-513 4805
Laman Web : http://pahang.jksm.gov.my
Facebook : https://www.facebook.com/jabatankehakimansyariahpahang
Flickr : https://www.flickr.com/photos/jkspflickr/


Scan
QR Code Kami!!

web Rasmi JKSP
FB Rasmi JKSP